

## UMP Lancar Program RCP Bantu Pelajar Tingkat Penguasaan Bahasa Inggeris



Kuantan, 1 Oktober- Universiti Malaysia Pahang (UMP) melancarkan Reading Circle Programme (RCP) iaitu satu program pembudayaan Bahasa Inggeris melalui amalan membaca yang bakal dilaksanakan di institusi pengajian tinggi dan sekolah-sekolah di negeri Pahang. Pembudayaan amalan membaca ini diadakan bagi menggalakkan semua pihak komited dalam menjayakan hasrat kerajaan memantapkan keilmuan di kalangan pelajar dengan berkongsi ilmu, kemahiran dan pengalaman.

Program dianjurkan Pusat Bahasa Moden dan Sains Kemanusiaan (PBMSK) bersempena Persidangan Antarabangsa Pembelajaran dan Pengajaran Bahasa yang berlangsung di Swiss Garden Beach Resort Kuantan Pahang hari ini.

Hadir merasmikan program Exco Kesihatan, Sumber Manusia dan Tugas-tugas Khas Negeri Pahang, Dato' Norol Azali Sulaiman yang hadir mewakili Menteri Besar Pahang. Turut hadir Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), Prof. Dato' Dr. Rosli Mohd. Yunus, Dekan PBMSK, Profesor Madya Dr. Muhammad Nubli Abdul Wahab, pengarah program, Dr. Zuraina Ali.



Prof. Dato' Dr. Rosli berkata, persidangan antarabangsa ini merupakan satu platform bagi pendidik, penyelidik, pentadbir dan individu-individu dari profesion yang berkaitan dari dalam dan luar negara berkongsi ilmu, pandangan dan pengalaman dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa dari peringkat awal pembelajaran, sekolah rendah, menengah sehingga ke peringkat institusi pengajian tinggi.

"Fokus persidangan ini adalah bertujuan untuk menyumbang kepada pembangunan kurikulum bahasa, pengkayaan pembelajaran bahasa dengan menggunakan ICT, strategi transformasi dalam pembelajaran dan pengajaran bahasa serta pemantapan pembangunan dan profesionalisma graduan," katanya.

Tambah beliau, dengan bertemakan 'Reimagining Innovative Global Trends Of The 21st Century Language Education' bidang-bidang yang diperbincangkan adalah Pembangunan Kurikulum Bahasa, Pembelajaran Bahasa Berasaskan Teknologi, Transformasi Pembelajaran dan Strategi Pengajaran Bahasa serta Memperkasakan Pembangunan Graduan dan Profesionalisme.



Sementara itu, menurut Dr. Zuraina bersempena dengan persidangan pelancaran RCP juga dilihat mampu mewujudkan satu platform untuk semua pelajar mengambil bahagian dalam berdiskusi tentang buku pilihan dan juga pengalaman membaca. Malahan, pelajar diagihkan dalam kumpulan-kumpulan yang akan membuat pemilihan bahan bacaan mengikut pelbagai minat dan keselesaan.

Katanya, kempen galakan membaca melalui RCP ini diharapkan dapat menjadi pemangkin kepada pembudayaan membaca melalui aktiviti-aktiviti yang dicadangkan dari semasa ke semasa dan juga untuk menjadi satu usaha meningkatkan tahap pembacaan di kalangan pelajar.

Lebih 100 orang hadir dalam program yang menampilkan pembentang kertas kerja yang terdiri daripada Profesor Dato' Dr. Hassan Basri Awang Mat Dahan, Profesor Dr. Maya Khemlani David, Profesor Dr. Goh Yeng Seng, Profesor George Robert Maclean dan Dr. Musaev Tailaibek.

Prof. Dr. Maya David Nee Khemlani dari Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya pernah dinobatkan penerima Anugerah Linguapax pada 2007 dan juga merupakan Fello Kehormat Chartered Institute of Linguists, United Kingdom serta Ahli Kehormat Foundation of Endangered Languages. Beliau juga mempunyai kepentingan khas dalam analisis wacana, bahasa-bahasa dalam kalangan masyarakat minoriti Malaysia, dan peranan bahasa dalam mewujudkan dan mengekalkan perpaduan negara di dalam dan merentasi budaya.

***Disediakan Unit Perhubungan Awam, Bahagian Komunikasi Korporat PNC***

Posted By : NOR FADZILLAH BINTI ZULKIPLI Date Posted : 01-10-2015, 17:19:26